

Kad khas mudah keluar masuk

18 DEC 1991

KUALA LUMPUR Selasa — Kerajaan akan memperkenalkan kad khas-smart *card*- yang memudahkan proses laluan imigresen bagi rakyat tempatan dan warganegara asing yang kerap keluar-masuk ke negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pemilik kad itu tidak perlu beratur untuk diperiksa pegawai Imigresen tetapi sekadar memasukkan kad itu ke dalam mesin khas, yang boleh merekodkan data mereka.

Beliau berkata, sistem baru itu akan dilaksanakan sedikit masa lagi apabila Jabatan Imigresen yang diarah mengkaji dan merangka kad itu, selesai menghalusi beberapa masalah berkaitan.

"Kita mengarahkan Jabatan Imigresen mengkaji penggunaan kad itu dua bulan lalu, dan pada masa ini kajiannya di peringkat menentukan jenis *smart card* yang akan dikeluarkan.

"Sistem baru ini bukan mengambil tempat pasport. Kad itu hanya dijual kepada mereka yang dikenal pasti banyak ber-

urusan di luar negara dan juga bagi warganegara asing yang berulang-alik ke sini," katanya.

Beliau berkata, peniaga atau kalangan tertentu bagi tujuan lain yang kerap berulang-alik keluar negara, lebih mudah menggunakan kad itu. Kad berkenaan akan mempunyai ciri keselamatan khusus dan pengenalan khusus pemegangnya.

Bagaimanapun, katanya, pemegang kad itu perlu membawa pasport untuk diperiksa jika perlu.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1991 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini, beliau berkata:

"Bukan semua yang memohon akan diberi kad berkenaan, ia bukan hak tetapi keistimewaan kepada mereka yang selalu membuat perjalanan," katanya.

Beliau berkata, sistem baru itu adalah antara langkah kerajaan mempercepatkan proses birokrasi, sejajar dengan usaha memupuk serta mewujudkan budaya kerja cemerlang dan berkua-

liti.

Mengenai kualiti kerja sektor awam, Perdana Menteri berpuas hati dengan prestasinya yang banyak berubah sejak kerajaan melancarkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang.

"Kerenah birokrasi semakin kurang dan banyak perkara yang menyulitkan sudah dipermudahkan, misalnya, menyatukan beberapa jenis bayaran di pejabat pos.

"Begitu juga, setiap kali kita mengeluarkan pekeliling baru bagi memulakan sesuatu kerja, pegawai terbabit diberi latihan khusus bagi melaksanakan tugas itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, usaha meningkatkan kualiti kerja semakin diminati sama ada oleh individu mahupun organisasi.

Beliau juga menyifatkan penerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1991, iaitu Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Motorola Malaysia Sdn Berhad dan Persatuan Bulan Sabit Malaysia, berhak menang kerana berjaya memamerkan kualiti kerja ber mutu tinggi.